

TARIKH	RABU, 17 APRIL 2024
AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK ARTIKEL	SAWAH TERBIAR DITANAM PADI 'NUKLEAR'
M/S	7
BIDANG	NUCLEAR MALAYSIA
KATA KUNCI	MALAYSIAN NUCLEAR AGENCY, PADDY, NMR152

Sawah terbiar ditanam padi 'nuklear'

IPOH: Seluas 8.1 hektar tanah sawah terbiar di Kampung Kandang Hulu, Mukim Kota Lama Kanan di Kuala Kangsar akan usahakan semula bagi tanaman padi 'nuklear.'

Projek rintis oleh Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) itu membabitkan benih padi NMR152 atau lebih dikenali sebagai padi nuklear oleh Agensi Nuklear Malaysia.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan negeri, Datuk Mohd. Zolkafly Harun berkata, kajian projek tersebut dilaksanakan oleh Stesen Penyelidikan Padi dan Beras USAS dan akan dijalankan melalui beberapa fasa.

Katanya, benih padi NMR152 yang digunakan itu menjadi pilihan kerana padanya berproduktiviti tinggi selain tahan serangan penyakit, cuaca ekstrem, kemarau dan banjir," katanya semalam.

DISEDIAKAN
OLEH

PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM